

## **APLIKASI MUSYĀRAKAH MUTANĀQIŞAH DALAM PEMBIAYAAN MIKRO KEWANGAN ISLAM**

### **Application of *Mushārahah Mutanāqīshah* in Islamic Microfinancing**

**Zuhaira Samsudin<sup>1</sup>  
Ab Mumin Ab Ghani<sup>2</sup>**

#### **ABSTRACT**

*Islamic microfinance has become an important part of the financial system, recognized locally and internationally, as a significant solution in addressing the problems of poverty. However, most of the financial institutions are reluctant to use the form of equity financing especially to micro entrepreneurs, because they have a negative perception of the entrepreneurs. They are often regarded as risk borrowers, having lack of experience and skills and therefore not being viable. However, the author believes that equity financing is an alternative for the entrepreneurs to overcome their financial problems as well as issues of management skills. Theoretical studies have been conducted to examine mushārahah mutanāqīshah instrument and*

---

<sup>1</sup> Master Candidate, Department of Shariah and Management, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, [zuhaira\\_samsudin@siswa.um.edu.my](mailto:zuhaira_samsudin@siswa.um.edu.my)

<sup>2</sup> Associate Professor, Department of Shariah and Management, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, [abmumin@um.edu.my](mailto:abmumin@um.edu.my)

*the results show that mushārahah mutanāqīshah financing can be one of the most potential instrument for micro entrepreneurs. The main aspects to note are those of the partnership as well as the mechanism of the pricing of the unit and ijārah rental. Purchase of shares in units make this instrument more practical and flexible to implement. This paper will elaborate on mushārahah mutanāqīshah contract generally and its application in Islamic microfinance through the mechanism of purchasing units.*

**Keywords :** *mushārahah mutanāqīshah, Islamic microfinance.*

## **PENDAHULUAN**

Perusahaan mikro merupakan perusahaan terbesar berbanding dengan perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia. Menurut Banci Perusahaan Kecil dan Sederhana 2011,<sup>3</sup> daripada 645,136 pertubuhan yang berdaftar, 77% daripada jumlah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan perusahaan mikro, diikuti dengan 20% perusahaan kecil dan 3% perusahaan sederhana. Hasil Banci juga menunjukkan sumbangan PKS kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara semakin meningkat iaitu daripada 29.4% pada tahun 2005 kepada 32.5% pada tahun 2011. Ini menunjukkan bahawa perusahaan mikro merupakan kumpulan usahawan terbesar di Malaysia dan mampu berkembang dalam arus perdana ekonomi. Pembangunan perusahaan ini akan memberi kesan pada pertumbuhan ekonomi yang lebih saksama dan seimbang.

Oleh itu, akses kepada pembiayaan merupakan salah satu aspek yang sangat penting dalam pembangunan perusahaan mikro. Ia bukan sahaja dapat memberi peluang kepada lebih banyak pengusaha mikro untuk memulakan dan membesarkan perniagaan mereka, malah ia akan mewujudkan lebih banyak

---

<sup>3</sup> Banci Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) 2011 merupakan banci kedua yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Banci PKS 2011 meliputi semua sektor ekonomi iaitu pertanian, perlombongan dan pengkuarian, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan berbanding dengan tiga sektor semasa banci pertama PKS yang dijalankan pada tahun 2005 iaitu pertanian, pembuatan dan perkhidmatan. Sila lihat Jabatan Perangkaan Malaysia, 'Keratan Akhbar, Sidang Media Laporan Banci Perusahaan Kecil dan Sederhana 2011', [http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=article&id=1723%3Acensus-report-on-smes-2011&catid=157%3Areport-of-economics-census-2011-&Itemid=153&lang=bn](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1723%3Acensus-report-on-smes-2011&catid=157%3Areport-of-economics-census-2011-&Itemid=153&lang=bn), dicapai 3 September 2014.

peluang pekerjaan, menjana lebih pendapatan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Kebanyakan institusi kewangan enggan menggunakan pembiayaan berbentuk ekuiti terutama kepada pengusaha mikro kerana mereka mempunyai persepsi negatif terhadap pengusaha-pengusaha ini. Mereka sering menganggap perusahaan mikro sebagai peminjam berisiko dan pada kebiasaannya pinjaman yang disalurkan kepada perusahaan-perusahaan ini sukar dibayar balik berbanding pinjaman yang disediakan kepada perusahaan besar.<sup>4</sup> Selain daripada itu, mereka dianggap kurang pendidikan formal, pengalaman, kemahiran dan ketajaman perniagaan.<sup>5</sup> Walau bagaimanapun, penulis berpandangan bahawa pembiayaan ekuiti merupakan satu alternatif yang dapat memenuhi keperluan pengusaha-pengusaha ini untuk mengatasi masalah kewangan serta masalah kemahiran pengurusan perniagaan yang dihadapi. Pembiayaan seperti *muḍārabah* atau *musyārahah* boleh digunakan, namun bagi tempoh perniagaan yang sederhana dan lama, penamatan kontrak tidak boleh dilakukan secara mendadak dan penarikan diri perlu dibuat secara perlahan-lahan kerana pengusaha memerlukan masa untuk mendapatkan pulangan serta keuntungan hasil daripada perniagaan yang dijalankan. Penarikan diri secara mendadak boleh menjejaskan serta membantutkan perkembangan sesebuah perusahaan. Oleh itu, *musyārahah mutanāqīṣah* merupakan instrumen yang ideal untuk dilaksanakan bagi membiayai pengusaha mikro.

### **MUSYĀRAKAH MUTANĀQIṢAH**

*Musyārahah mutanāqīṣah* mula diperkenalkan di Mesir<sup>6</sup> dan juga dikenali sebagai *musyārahah muntahiyah bi tamlīk*.<sup>7</sup> *Musyārahah mutanāqīṣah* merupakan satu bentuk akad pensyarikatan yang disepakati oleh dua pihak yang berkontrak di mana salah satu pihak akan memberikan bahagiannya di

<sup>4</sup> Nora Azureen Abdul Rahman & Rosli Mahmood, 'Mengapa Perusahaan Kecil Sukar Mendapat Pinjaman daripada Bank Perdagangan,' dalam *Isu-Isu Kewangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)*, ed. Yusnidah Ibrahim, Faudziah Zainal Abidin dan Anggapan Regupathi (Kedah: Jabatan Penerbitan dan Teknologi Media Universiti Utara Malaysia, 19-20 Oktober 2005), 4.

<sup>5</sup> Nik Ibrahim, A., 'The Role of Bank Pembangunan in the Development of SMEs,' (International Conference on Small and Medium Scale Enterprise, Universiti Utara Malaysia, Pulau Langkawi, 1990).

<sup>6</sup> Al-Misrī, 'Abd al-Samī', *al-Masraf al-Islāmī: 'Ilmiyyan wa 'Amaliyyan* (Qāhirah: Maktabah Wahbah, 1988), 69-70.

<sup>7</sup> Al-Sawī, Muhammad Ṣolah, *Musykilah al-Istithmar fī al-Bunūk al-Islāmiyyah* (Qāhirah: Dār al-Wafā, 1990), 619, 621.

dalam perkongsian tersebut kepada pihak yang lain dengan sekali bayaran atau beberapa kali bayaran secara ansuran berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.<sup>8</sup> Pada asalnya, akad *musyarakah* merupakan kontrak perkongsian yang sentiasa berterusan sehingga berakhirnya kontrak atau terdapat salah satu pihak yang *fasakh* atau telah melanggar syarat-syarat perkongsian. Akan tetapi *musyarakah mutanāqishah* membolehkan pihak yang berkontrak melakukan perkongsian tetapi salah satu pihak tidak bermaksud untuk mengekalkan kontrak tersebut. Konsep utama *musyarakah mutanāqishah* ialah berlakunya perkongsian modal di antara dua pihak dan salah satu pihak dibenarkan untuk membeli bahagian milikan (*share*) rakan kongsinya sama ada dengan sekali bayaran atau secara ansuran sehingga pihak tersebut berjaya memiliki keseluruhan bahagian milikan yang ada. Oleh itu, kontrak perkongsian tersebut akan berakhir setelah salah satu pihak memiliki keseluruhan bahagian milikan tersebut.

Dalam konteks hubungan manusia dengan harta, menerusi konsep perkongsian, syarikat ditubuhkan untuk menggerakkan harta melalui penggabungan harta tersebut dengan sumber manusia supaya ia terus berkembang dan dapat dimanfaatkan untuk pembangunan individu pemilik harta tersebut khususnya dan masyarakat umumnya. Para fuqaha memberikan pelbagai definisi tentang istilah syarikat. Pada hakikatnya, definisi yang dikemukakan oleh para fuqaha menunjukkan terdapatnya unsur kerjasama dan perkongsian sama ada dalam bentuk hak pengurusan mahupun hak keuntungan. Secara umumnya, kontrak *musyarakah mutanāqishah* perlu mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Ia mestilah terdiri daripada akad *syarikah al-'Inān*<sup>9</sup> dan pelaksanaannya mestilah tidak mempunyai unsur-unsur yang bertentangan dengan akad ini serta tidak bercanggah dengan nas syarak atau kaedah syarak secara keseluruhannya.

---

<sup>8</sup> Wahbah al-Zuhaylī, 'al-Musyarakah al-Mutanāqishah wa šuwaruhā fī dhaw' Ḍawābiṭ al-'Uqūd al-Mustajiddah,' laman sesawang *Badlah*, <http://www.badlah.com/page-567.html>, dicapai 7 Ogos 2012.

<sup>9</sup> *Syarikah al-'Inān* merupakan salah satu jenis *Syarikah al-'Uqūd*. Ia merupakan perkongsian antara dua pihak atau lebih dalam sumbangan harta atau saham. Harta atau saham ini akan diusahakan bersama-sama untuk menjana keuntungan melalui perusahaan atau perniagaan yang dijalankan dan keuntungan serta kerugian yang berlaku akan dibahagikan mengikut nisbah modal yang dikeluarkan. Sila lihat al-Jaza'iri, Abū Bakr Jabir, *Minhāj al-Muslim: Kitāb 'Aqā'id wa Ādab wa Akhlāq wa Ibādāt wa Mu'āmalāt* (Beirūt: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, 1984), 359. Lihat juga al-Baghawī, al-Husyn bin Mas'ūd, *Syarḥ al-Sunnah* vol. 8 (Beirūt: al-Maktab al-Islāmī, 1983), 217.

- ii. Terdapat kontrak perjanjian antara pihak yang berkongsi untuk membeli bahagian milikan pihak yang lain sama ada secara beransur-ansur atau secara keseluruhan mengikut nilai pasaran atau harga yang dipersetujui semasa pemilikan.<sup>10</sup>
- iii. Akad perkongsian (*syarikah al-‘Inān*) dan akad jual beli ini perlu dilakukan secara berasingan. Namun pihak yang berkontrak harus menggabungkan kedua-dua kontrak ini dalam satu dokumentasi perjanjian.<sup>11</sup>

Selain daripada itu, terdapat beberapa perkara yang disyaratkan bagi pihak yang berkontrak iaitu: <sup>12</sup>

- i. Pihak yang ingin berkontrak mestilah mempunyai kehendak sebenar untuk membuat perkongsian, bukan sekadar melabur dan memberi hutang. Keuntungan akan dibahagikan mengikut nisbah yang dipersetujui dan kerugian akan ditanggung oleh semua pihak jika berlaku.
- ii. Pembiaya mesti memiliki bahagiannya dengan pemilikan sempurna. Ia penting apabila pembiaya berhasrat untuk melantik atau mewakilkan rakan kongsi sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk melihat perkembangan aset perkongsian dari semasa ke semasa.
- iii. Pembiaya dibenarkan menawar janji untuk menjual bahagiannya dalam perkongsian kepada rakan kongsi sekiranya rakan kongsi membayar nilai bahagian atau saham.

---

<sup>10</sup> Persidangan al-Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawlī Sesi ke-15, ‘Bi Sya’n al-Musyārahah al-Mutanāqīshah wa Ḍawābiṭihā al-Syar‘iyyah’, laman sesawang *Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawlī*, <http://www.fiqhacademy.org.sa/qrarat/15-2.htm>, dicapai 20 Ogos 2011. Lihat juga AAOIFI, *Shari‘a Standards for Islamic Financial Institutions* (Bahrain: Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions, 2010), 217-218. Lihat juga Bank Negara Malaysia, ‘Draft of Shariah Parameter Reference 4: Musharakah Contract’, laman sesawang *Bank Negara Malaysia*, [http://www.bnm.gov.my/guidelines/05\\_shariah/04\\_draft\\_shariah%20parameter\\_spr4.pdf](http://www.bnm.gov.my/guidelines/05_shariah/04_draft_shariah%20parameter_spr4.pdf), dicapai 7 Ogos 2012.

<sup>11</sup> Keputusan Majlis Penasihat Syariah BNM telah membuat keputusan pada satu majlis mesyuarat yang ke 56 pada 6 Februari bersamaan 7 Muharam 1427. Lihat juga AAOIFI, *Shari‘a Standards for Islamic Financial Institutions*, 217-218. Lihat juga Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawlī Sesi ke-15, ‘Bi Sya’n al-Musyārahah al-Mutanāqīshah wa Ḍawābiṭihā al-Syar‘iyyah’,

<sup>12</sup> Wahbah al-Zuhaylī, ‘al-Musyārahah al-Mutanāqīshah wa ṣuwaruhā fī Dhaw’ Ḍawābiṭ al-‘Uqūd al-Mustajiddah.’

- iv. Tidak dibenarkan di dalam akad *musyārahah mutanāqīṣah* diletakkan syarat rakan kongsi mengembalikan semula semua bahagian serta keuntungan yang diperolehi kepada pembiaya kerana terdapat *syubhah riba*.<sup>13</sup>

## **APLIKASI INSTRUMEN *MUSYĀRAKAH MUTANĀQIṢAH***

Instrumen *musyārahah mutanāqīṣah* boleh digunakan bagi membiayai modal perusahaan seperti modal menubuhkan syarikat kerjasama di antara pihak institusi kewangan dengan pengusaha atau perkongsian dalam pembelian perusahaan yang sedia ada sehingga pengusaha mampu memperolehi kedudukan kewangan yang kukuh untuk memiliki keseluruhan bahagian milikan. Selain daripada itu, pembiayaan ini juga boleh digunakan untuk mendapatkan aset yang diperlukan oleh perusahaan seperti kilang, bangunan, peralatan mesin, traktor, bot dan pelbagai lagi keperluan bagi perusahaan mikro.

### **Pembiayaan Aset**

Pada kebiasaannya, pembiayaan aset melibatkan perkongsian di antara pihak institusi kewangan dan pengusaha dalam pembelian aset. Setelah perkongsian dalam pembelian aset berlaku, pengusaha dikehendaki membeli peratus bahagian milikan institusi kewangan secara berperingkat berdasarkan kepada perjanjian yang disepakati oleh kedua-dua pihak sehingga keseluruhan aset dimiliki oleh pengusaha. Bagi pembelian aset seperti bangunan dan peralatan mesin, pengusaha dibenarkan untuk menggunakannya sebaik sahaja selepas berlakunya perkongsian pembelian di mana bahagian milikan pihak institusi

---

<sup>13</sup> Sebarang pelaburan yang mana pihak pengusaha (*muḍārib* atau *syarikah*) menjamin satu kadar pulangan tertentu kepada pelabur (peserta), maka ia adalah haram oleh kerana ia telah menukar sifat pelaburan secara Islam kepada elemen pinjaman dengan janji faedah riba (faedah riba yang dijamin). Sila lihat Persidangan al-Majma' al-Fiqh al-Islāmī, Sesi ke-14, resolusi ke-5, 1992, 'Hal Yajūz Tahdīd rabb rabb al-Māl fī Syarikah al-Muḍārabah bi Miqdār Mu'ayyan min al-Māl', laman sesawang *Muslim World League*, <http://www.themwl.org/Fatwa/default.aspx?d=1&cid=139&l=AR&cid=10.>, dicapai 29 Oktober 2014.

kewangan akan disewakan kepada pengusaha di bawah kontrak *ijārah*<sup>14</sup> yang berasingan dan pada harga sewa yang ditetapkan.<sup>15</sup> Walau bagaimanapun, kadar sewa akan berkurangan dengan berkurangnya bahagian milikan institusi kewangan melalui pembelian saham yang dilakukan oleh pengusaha. Dengan pembelian saham terakhir, aset tersebut akan menjadi milik pengusaha sepenuhnya dan kontrak *ijārah* akan tamat serentak dengan pembelian saham terakhir tersebut.

Melalui kontrak perkongsian yang dijalankan ini, ia memberi kelebihan kepada pengusaha mikro serta boleh menjadi kunci perbezaan antara *musyārahah mutanāqīshah* dengan kemudahan instrumen yang lain. Sekiranya berlaku kerosakan besar serta risiko kerugian, liabiliti yang terjadi bukan sahaja ditanggung oleh pengusaha, malah pihak institusi kewangan juga perlu bertanggungjawab mengikut nisbah perkongsian pada ketika itu. Begitu juga sekiranya terdapat pendapatan yang dihasilkan daripada aset tersebut, ia perlu dibahagi antara kedua-dua pihak. Akan tetapi nisbah pendapatan yang diperolehi daripada perkongsian perlu ditentukan secara jelas.

Untuk memastikan kejayaan pembiayaan *musyārahah mutanāqīshah*, salah satu aspek yang perlu diberi perhatian ialah mekanisma harga bagi saham pemilikan dan sewa. Pada kebiasaannya, pembelian saham dan bayaran sewa dibuat dengan satu bayaran yang mana amalan kebiasaannya bayarannya tetap dengan bantuan teknik '*discounted cash flow*.' Kaedah ini dari satu sudut ia

---

<sup>14</sup> *Al-Ijārah* dari segi bahasa berasal dari perkataan *al-Ajr* yang membawa maksud upah di atas kerja yang dilakukan atau balasan pahala. Menurut istilah Bahasa Arab, kalimah *ijārah* memberi makna *al-Ujrah* dan kadang kala digunakan bagi makna *al-Ijār*. *Al-Ujrah* merupakan harga kepada *manfa'ah* yang perlu dibayar kerana menggunakan sesuatu manakala *al-Ijār* pula bermaksud memberi sewa. Menurut Istilah fuqaha' *al-Ijārah* merupakan kontrak untuk mendapatkan manfaat atau perkhidmatan tertentu dengan tukaran tertentu dan kontrak ini sah menurut syarak. Sila lihat al-Sarakhsi, Syams al-Dīn, *Kitāb al-Mabsūt*, vol. 15 (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1978), 74. Lihat juga al-Syarbani, Syams al-Dīn Muḥammad b. Muḥammad al-Khātib, *Mughnī al-Muḥtāj*, vol. 2 (Qāhirah: Syarīkah Maktabah wa Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī wa Awlādih, 1958), 332.

<sup>15</sup> Adalah dibenarkan bagi mana-mana rakan kongsi untuk menyewa atau memajak bahagian rakan kongsi yang lain untuk satu jumlah dan tempoh tertentu yang mana setiap rakan kongsi adalah bertanggungjawab dari masa ke semasa menjaga mengikut kadar bahagian masing-masing. Sila lihat Majma' al-Fiqh al-Islāmī al-Dawli Sesi ke-15, 2004, 'Bi Sya'n al-Musyārahah al-Mutanāqīshah wa Ḍawābitihā al-Syar'iyyah', <http://www.fiqhacademy.org.sa/qyarat/15-2.htm>, dicapai 20 Ogos 2011. Lihat juga AAOIFI, *Shari'a Standards for Islamic Financial Institutions*, 217-218.



memberi kelebihan kepada pengusaha untuk membuat bayaran dengan jumlah yang tetap pada setiap kali pembayaran dilakukan, akan tetapi dari sudut yang lain ia menghadkan fungsi sebenar *musyarakah mutanāqīshah* dan ia juga menjadikan pengusaha berfikir bahawa bayaran yang dilakukan merupakan bayaran bulanan ‘ansuran’ berserta margin keuntungan. Ini menunjukkan kaedah ini tidak menjalani prosedur penawaran dan penerimaan bagi setiap unit saham.

Oleh itu, untuk mengatasi perkara tersebut pembelian unit saham perlu dipisahkan daripada bayaran sewa.<sup>16</sup> Ia dapat mencegah kebarangkalian salah anggap bayaran serentak pembelian unit dan sewa sebagai bayaran ‘ansuran’. Jualan unit saham hanya akan berlaku apabila bayaran telah dilakukan sepenuhnya dan ia dilaksanakan dengan kaedah penawaran dan penerimaan yang lebih formal. Setiap kali pembelian unit saham akan mengurangkan harga sewa. Kaedah ini lebih praktikal untuk digunakan dan akan memudahkan pengusaha mikro untuk membeli unit saham memandangkan mereka dapat membeli mengikut kemampuan yang dimiliki. Kaedah ini juga membolehkan pengusaha membuat lebih banyak pilihan untuk menyelesaikan pembelian unit saham dalam tempoh yang ditetapkan. Sebagai contoh, sekiranya saham institusi kewangan dibahagikan kepada dua puluh empat unit bagi tempoh dua tahun, ia boleh dilanjutkan kepada tempoh tiga atau lima tahun bergantung kepada kedudukan kewangan pengusaha. Penangguhan pembelian tidak akan menyebabkan kerugian kepada institusi kewangan kerana bayaran sewa akan tetap dikenakan sepanjang kontrak berlangsung.

Kaedah ini juga akan memberi galakan kepada pengusaha untuk membeli unit saham milik institusi kewangan apabila sewa yang perlu dibayar akan berkurang setiap kali pembelian unit dilakukan. Jumlah sewa yang dikenakan bergantung kepada jumlah unit saham yang dimiliki oleh institusi kewangan pada masa tersebut. Sekiranya pengusaha tidak membeli unit saham untuk beberapa bulan, maka jumlah sewa akan kekal dengan harga sebelumnya. Akan tetapi sekiranya pembelian unit saham dilakukan setiap bulan maka jumlah sewa akan berkurang dengan berkurangnya unit saham yang dimiliki institusi kewangan. Instrumen ini juga akan memudahkan pengusaha untuk memperolehi

---

<sup>16</sup> Muhammad Abdurrahman Sadique, ‘Financing Micro and Medium Sized Enterprises Through Deceasing Partnership (Musharakah Mutanaqīshah): Refining Shariah and Banking Aspects for Enhanced Applicability,’ in *Islamic Finance for Micro and Medium Enterprise*, ed. Mohammed Obaidullah & Salma Abdul Latif, 68. [s.l]: (Islamic Research & Training Institute Islamic Development Bank and Centre for Islamic Banking, Finance and Management, Universiti Brunei Darussalam, 2008), 64.



aset tersebut memandangkan jual beli unit berdasarkan kepada harga semasa. Aset seperti peralatan mesin bagi sesuatu perusahaan akan mempunyai susut nilai. Oleh itu, nilai pembelian bagi satu unit akan berkurangan setiap tahun dan memudahkan pengusaha untuk memilikinya. Walau bagaimanapun, situasi ini tidak akan merugikan pihak institusi kewangan malah menguntungkan sekiranya pengusaha berjaya membeli keseluruhan unit saham miliknya. Selain daripada memperoleh keuntungan hasil jualan unit, institusi kewangan juga akan memperoleh keuntungan daripada hasil sewa yang dikenakan.

Sebagai contoh :

Harga bagi sebuah mesin cetak = RM20,000.

Harga sewa bulanan = RM300

Modal dari pengusaha = RM 2,000 (10%)

Modal yang dibiayai institusi kewangan = RM 18,000 (90%)

Tempoh bayaran = 5 tahun

Jumlah unit = 20

Jadual 1 : Senarai Pembelian Pemilikan Mengikut Unit.<sup>17</sup>

Tempoh (bulanan)	Nilai semasa aset*	Sewa**	Harga semasa satu unit***	Unit yang dibeli oleh pengusaha	Unit yang dimiliki pengusaha	Unit yang dimiliki pembiaya	Jumlah bayaran (RM)
1	20000	270	1000		2	18	
2	20000	270	1000	-	2	18	
3	20000	270	1000	-	2	18	
4	20000	270	1000	-	2	18	
5	20000	270	1000	-	2	18	

<sup>17\*</sup> **Nilai semasa aset:** Andaian bahawa nilai semasa aset akan mengalami susut nilai sebanyak 10% setiap tahun melalui kaedah baki berkurang. Sila rujuk Lawrence J.Gitman, *Principles of Managerial Finance*, 11<sup>th</sup> ed. (Boston USA: Pearson International Edition, 2006), 104-106.

<sup>\*\*</sup> **Sewa:** Harga sewaan bagi setiap unit diperolehi dengan membahagikan jumlah sewa dengan jumlah unit.  $RM300/20 \text{ unit} = RM15/1 \text{ unit}$ . Oleh itu, setiap pembelian 1 unit akan mengurangkan sewa sebanyak RM15.

<sup>\*\*\*</sup> **Harga semasa satu unit:** Harga satu unit dikira daripada nilai semasa perusahaan kemudian dibahagikan dengan jumlah unit.

Tempoh (bulanan)	Nilai semasa aset	Sewa	Harga semasa satu unit	Unit yang dibeli oleh pengusaha	Unit yang dimiliki pengusaha	Unit yang dimiliki pembiaya	Jumlah bayaran (RM)
6	20000	255	1000	1	3	17	1000
7	20000	255	1000	-	3	17	
8	20000	255	1000	-	3	17	
9	20000	255	1000	-	3	17	
10	20000	255	1000	-	3	17	
11	20000	255	1000	-	3	17	
12	20000	255	900	-	3	17	
13	18000	240	900	1	4	16	900
14	18000	240	900	-	4	16	
15	18000	240	900	-	4	16	
16	18000	240	900	-	4	16	
17	18000	240	900	-	4	16	
18	18000	225	900	1	5	15	900
19	18000	225	900	-	5	15	
20	18000	225	900	-	5	15	
21	18000	225	900	-	5	15	
22	18000	225	900	-	5	15	
23	18000	225	900	-	5	15	
24	18000	225	900	-	5	15	
25	16200	195	810	2	7	13	1,620
26	16200	195	810	-	7	13	
27	16200	195	810	-	7	13	
28	16200	195	810	-	7	13	
29	16200	195	810	-	7	13	
30	16200	195	810	-	7	13	
31	16200	165	810	2	9	11	
32	16200	165	810	-	9	11	
33	16200	165	810	-	9	11	
34	16200	165	810	-	9	11	
35	16200	165	810	-	9	11	
36	16200	165	810	-	9	11	
37	14580	135	729	2	11	9	1,458
38	14580	135	729	-	11	9	
39	14580	135	729	-	11	9	
40	14580	135	729	-	11	9	
41	14580	135	729	-	11	9	
42	14580	135	729	-	11	9	
43	14580	105	729	2	13	7	1,458
44	14580	105	729	-	13	7	
45	14580	105	729	-	13	7	

Tempoh (bulanan)	Nilai semasa aset	Sewa	Harga semasa satu unit	Unit yang dibeli oleh pengusaha	Unit yang dimiliki pengusaha	Unit yang dimiliki pembiaya	Jumlah bayaran (RM)
46	14580	105	729	-	13	7	
47	14580	105	729	-	13	7	
48	14580	105	729	-	13	7	
49	13122	75	656.1	2	15	5	1,312.2
50	13122	75	656.1	-	15	5	
51	13122	75	656.1	-	15	5	
52	13122	75	656.1	-	15	5	
53	13122	75	656.1	-	15	5	
54	13122	75	656.1	-	15	5	
55	13122	45	656.1	2	17	3	1,312.2
56	13122	45	656.1	-	17	3	
57	13122	45	656.1	-	17	3	
58	13122	45	656.1	-	17	3	
59	13122	45	656.1	-	17	3	
60	13122	0	656.1	3	20	0	1,968.3
		10 185					11,928.7

Sumber: Kaedah pembelian pemilikan mengikut unit dirujuk daripada Muhammad Abdurrahman Sadique.<sup>18</sup>

Jumlah wang yang diperolehi institusi kewangan ialah sebanyak:  
 $RM10,185 + RM11,928.70 = RM22,113.70$

Jadual 1 di atas menunjukkan perkongsian yang dilakukan oleh pengusaha dan pihak institusi kewangan dalam membeli sebuah mesin cetak. Harga bagi sebuah mesin cetak ialah RM20,000, sewa bulanan adalah sebanyak RM300, tempoh bayarannya adalah selama lima tahun, dan jumlah keseluruhan saham dibahagikan kepada 20 unit. Daripada jadual yang ditunjukkan, pihak institusi kewangan mempunyai 18 unit saham manakala pengusaha memiliki 2 unit saham. Oleh yang demikian, jumlah sewa yang perlu dibayar kepada pihak institusi kewangan bermula dengan RM270. Jadual di atas menunjukkan instrumen ini sangat praktikal dan fleksibel untuk dilaksanakan. Jumlah sewa dan nilai yang ditawarkan bagi setiap unit adalah jelas diketahui oleh pengusaha dan pengusaha dapat membuat pembelian mengikut kemampuan yang dimilikinya. Pada bulan pertama sehingga bulan kelima dianggarkan pengusaha tidak mampu untuk membeli unit saham, oleh itu pengusaha menunggu sehingga kewangannya stabil untuk membeli satu unit saham. Begitu juga pada bulan-bulan seterusnya sehingga pengusaha berjaya

<sup>18</sup> Muhammad Abdurrahman Sadique, 'Financing Micro and Medium Sized Enterprises Through Deceasing Partnership (Musharakah Mutanaqishah): Refining Shariah and Banking Aspects for Enhanced Applicability.'

memiliki keseluruhan aset tersebut. Jika diperhatikan, dengan pembelian satu unit saham harga sewa yang perlu dibayar juga turut berkurangan. Sekiranya tiada pembelian unit dilakukan, maka harga sewa akan kekal dengan jumlah yang sama pada bulan sebelumnya. Secara keseluruhannya, dengan kaedah yang dilakukan, pembiayaan secara *musyarakah mutanāqishah* ini akan memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak. Pengusaha akan lebih fleksibel untuk membuat pembayaran, dan pihak institusi kewangan juga akan dapat memperoleh keuntungan hasil perkongsian yang dilakukan.

Sekiranya pengusaha enggan untuk membeli unit saham milik institusi kewangan, pihak institusi kewangan boleh menamatkan kontrak dan teruskan dengan tindakan pemuliharaan. Pihak institusi kewangan boleh memulihkan modalnya dengan melelong aset tersebut kepada pihak ketiga. Hasil lelongan tersebut mungkin tidak mencukupi untuk mengatasi kerugian modal yang berlaku, justeru pihak institusi kewangan berhak menuntut kekurangan (merangkumi pembayaran sewa yang tertunggak dan pembelian bahagian institusi kewangan oleh pengusaha) berdasarkan *wa'ad*<sup>19</sup> yang dipersetujui. Institusi kewangan boleh mengambil bahagian pengusaha daripada hasil lelongan untuk menampung kekurangan yang terjadi. Sebarang kekurangan yang berlaku selanjutnya (setelah institusi kewangan Islam mengambil bahagian pengusaha) boleh dituntut sepenuhnya oleh institusi kewangan jika pengusaha mampu dari segi kewangan. Jika pelanggan telah membuktikan ketidakupayaan kewangan untuk menjelaskan baki tuntutan, institusi kewangan hendaklah menanggung kerugian tersebut. Sekiranya terdapat lebih hasil daripada lelongan tersebut, maka institusi kewangan boleh berkongsi dengan pengusaha mengikut nisbah peratusan pemilikan masing-masing terhadap aset yang dikongsi semasa lelongan dibuat.

---

<sup>19</sup> Al-Zarqa' telah membuat kesimpulan bahawa hukum syarak memberi ruang kepada pihak-pihak yang berakad untuk membuat syarat mengikut batas hak-hak mereka dalam sesuatu akad. Bagi *'uqūd mustajiddah* (akad-akad baharu) yang sebahagiannya memiliki syarat yang berbeza daripada kontrak-kontrak yang diketahui dalam fiqh, perihal syarat tersebut perlu diteliti. Jika ia menggugurkan syarat yang dinaskan (oleh al-Quran atau Sunnah) maka hukumnya haram. Jika ia menggugurkan syarat yang merupakan ijtihad para ulama' maka, hukumnya bergantung pada kewujudan sebab (*'illah*) syarat tersebut, *'urf* yang berkaitan dan persekitaran ekonomi semasa. Jika syarat yang wujud dalam dalam kontrak baru tidak diketahui dalam perbincangan fiqh yang terdahulu, maka syarat tersebut harus selagi ia mengandungi kepentingan pihak-pihak berkontrak dan tidak membatalkan atau menafikan objektif kontrak. Syarat tersebut dianggap fasid dan menjejaskan kontrak jika ia membawa kepada perkara haram dan menafikan tujuan kontrak. Sila lihat Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islām*, No. 10, 2000, 2:529, lihat juga *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, 46.

## Pembiayaan Modal Perusahaan

Pembiayaan modal perusahaan bagi instrumen *musyārahah mutanāqīshah* secara asasnya melibatkan dua langkah iaitu:

- i. Pengusaha dan institusi kewangan akan berkongsi modal mengikut nisbah yang dipersetujui. Modal tersebut akan dinilai dalam bentuk saham.<sup>20</sup>
- ii. Pengusaha akan membeli saham milik institusi kewangan secara berperingkat sehingga pengusaha memiliki keseluruhan saham tersebut. Setiap kali pembelian saham dilakukan, ia mesti dijual pada harga yang disepakati ketika jualan dilakukan dan perjanjian awal mengenai harga unit saham adalah tidak dibenarkan untuk mengelak daripada memberi jaminan kepada nilai bahagian ekuiti institusi kewangan.<sup>21</sup>

Perkongasian yang dilakukan tidak hanya terhad dari segi perkongsian modal perusahaan semata-mata. Perkongsian yang dilakukan terikat dengan kontrak *syarikah al-'Inān* di mana kedua-dua pihak yang berkongsi perlu memainkan peranan mengurus kewangan syarikat untuk menjana keuntungan<sup>22</sup> di mana keuntungan yang diperolehi boleh ditentukan berdasarkan nisbah keuntungan yang tidak selari dengan nisbah pemilikan saham. Ia juga dibenarkan untuk mengekalkan nisbah keuntungan yang telah ditentukan walaupun nisbah pemilikan saham berubah. Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak perlu memastikan bahawa prinsip peruntukan bagi kerugian dikekalkan mengikut nisbah bahagian pemilikan saham daripada perkongsian.

Selain daripada itu, dari segi pengurusan syarikat, kedua-dua pihak juga perlu bekerjasama dalam mengelolai syarikat. Pihak institusi kewangan bertanggungjawab dalam memantau perkembangan syarikat, memberi latihan, khidmat nasihat, mengaudit kewangan syarikat serta beberapa aspek lain lagi. Melalui kaedah ini, masalah pengusaha berkaitan dengan kemahiran dan pengurusan dapat diatasi. Setelah syarikat beroperasi dan menghasilkan

---

<sup>20</sup> Penilaian boleh dilakukan oleh mana-mana rakan kongsi sekiranya mempunyai kepakaran dalam bidang penilaian perusahaan, atau kedua-dua rakan kongsi boleh memilih secara bersama mana-mana badan yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini. Sila lihat Muhammad Abdurrahman Sadique, 'Financing Micro and Medium Sized Enterprises Through Deceasing Partnership (Musharakah Mutanaqīshah): Refining Shariah and Banking Aspects for Enhanced Applicability,' 68.

<sup>21</sup> Lihat AAOIFI, *Shari'a Standards for Islamic Financial Institutions* (Bahrain: Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions, 2010), 217-218.

<sup>22</sup> Sila lihat al-Jaza'iri, *Minhāj al-Muslim: Kitāb 'Aqā'id wa-Adab wa-akhlāq wa-'Ibādat wa-Mu'āmalāt*, 359. Lihat juga al-Baghawī, *Syarḥ al-Sunnah*, 217.

pendapatan, pengusaha boleh mula membeli saham daripada institusi kewangan berdasarkan harga yang disepakati pada masa tersebut atau berdasarkan penilaian profesional seperti yang dipersetujui bersama. Apabila semua saham dibeli oleh pengusaha, maka pengusaha akan menjadi milik tunggal syarikat tersebut. Seperti pembiayaan aset, untuk menjadikan instrumen ini lebih fleksibel saham tersebut dibahagikan dalam bentuk unit. Pembelian saham dapat dilakukan mengikut kemampuan pengusaha untuk memiliki satu-satu unit.

Berikut merupakan contoh bagi pembiayaan modal perusahaan bagi memulakan perniagaan;

Modal keseluruhan = RM20,000.

Jumlah unit keseluruhan = 10

Modal dari pengusaha = RM2,000 (10%)

Modal yang dibiayai institusi kewangan = RM18,000 (90%)

Tempoh pembelian saham milikan = 5 tahun (60 bulan)

Jadual 2: Kaedah Pembelian Milikan Saham Mengikut Unit.<sup>23</sup>

Tempoh (bulanan)	6	12	18	24	30	36	42	48	54	60
Nilai semasa saham keseluruhan (RM 000)	20	18	20	22	22	22	22	25	25	22
Harga semasa satu unit*	2,000	1,800	2,000	2,200	2,200	2,200	2,200	2,500	2,500	2,200
Unit yang dibeli oleh pengusaha	-	1	1	1	-	2	1	1	1	1
Unit yang dimiliki pengusaha	1	2	3	4	4	6	7	8	9	10
Unit yang dimiliki pembiayaan	9	8	7	6	6	4	3	2	1	0
Jumlah bayaran (RM)	-	1,800	2,000	2,200	-	4,400	2,200	2,500	2,500	2,200

Sumber: Kaedah pembelian milikan saham mengikut unit dirujuk daripada

<sup>23\*</sup> **Harga semasa satu unit:** Harga satu unit dikira daripada nilai semasa perusahaan kemudian dibahagikan dengan jumlah unit.

Muhammad Abdurrahman Sadique.<sup>24</sup>

Jadual 2 merupakan contoh pembelian milikan saham mengikut unit. Tempoh pembelian adalah selama lima tahun dan jumlah keseluruhan saham dibahagikan kepada 10 unit. Hasil daripada perkongsian modal yang dilakukan, pengusaha memiliki 1 unit saham dan pembiaya memiliki 9 unit saham.<sup>25</sup> Oleh itu, pengusaha perlu membeli 9 unit saham milik pembiaya untuk menjadi pemilik tunggal. Mengikut jadual di atas diandaikan pada 6 bulan pertama pengusaha tidak membuat pembelian unit saham, maka unit yang dimiliki oleh pengusaha kekal 1 dan unit yang dimiliki oleh pembiaya kekal 9. Pada bulan ke 12, nilai semasa saham telah turun menjadi RM18,000 dan menjadikan harga satu unit saham bernilai RM1,800. Pada bulan ini, pengusaha telah membeli 1 unit saham dan menjadikan unit saham yang dimiliki pengusaha bertambah menjadi 2. Pada bulan ke 18, nilai semasa saham telah meningkat menjadi RM20,000. Maka nilai satu unit saham ialah RM2,000, dan pengusaha telah membeli satu lagi unit menjadikan ia memiliki 3 unit. Pada bulan ke 24, nilai semasa saham meningkat lagi menjadi RM22,000 dan pengusaha telah membeli 1 lagi unit, namun pada bulan ke 30, pengusaha tidak membuat pembelian saham, tetapi pada bulan ke 36, pengusaha membeli dua unit pada harga pasaran iaitu sebanyak RM2,200 seunit. Begitulah seterusnya pembelian unit dilakukan sehingga pengusaha memiliki keseluruhan unit.

Setiap perusahaan tidak dapat menjamin peningkatan yang berterusan dalam perniagaan yang dijalankan. Adakala ia meningkat, ada masa ia menurun. Oleh itu, kaedah ini membolehkan pengusaha mempunyai pilihan untuk membuat pembelian unit saham mengikut keupayaan yang dimiliki serta mengikut keadaan semasa perusahaan yang dijalankan. Pembelian boleh mula dilakukan apabila perusahaan sudah beroperasi serta mula menjana pendapatan. Oleh yang demikian, untuk memastikan perusahaan berjalan dengan baik, pihak institusi kewangan boleh melantik pekerja yang mempunyai kepakaran dalam pengurusan akaun serta mampu membuat pantauan dengan baik. Kerjasama yang baik antara kedua-dua pihak akan memudahkan proses pembelian saham dilakukan secara keseluruhan. Keuntungan yang diperolehi hasil daripada perkongsian ini adalah tidak terhad. Justeru, sekiranya perusahaan tersebut

---

<sup>24</sup> Muhammad Abdurrahman Sadique, 'Financing Micro and Medium Sized Enterprises Through Deceasing Partnership (Musharakah Mutanaqishah): Refining Shariah and Banking Aspects for Enhanced Applicability.'

<sup>25</sup> Nilai satu unit :  $\frac{2000}{20} = 2000$  , oleh itu, hasil daripada perkongsian modal pada peringkat permulaan, pengusaha memiliki 1 unit saham dan pembiaya memiliki 9 unit saham.



berjaya, maka pihak institusi kewangan akan mendapat keuntungan yang lebih. Selain daripada keuntungan yang diperolehi, nilai unit saham yang akan dibeli juga akan meningkat selari dengan peningkatan perusahaan. Ini kerana nilai unit saham adalah bergantung kepada nilai semasa perusahaan. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kerugian, ia perlu ditanggung bersama mengikut nisbah unit saham yang dimiliki.

## **KESIMPULAN**

Kebanyakan institusi kewangan Islam tidak gemar untuk melaksanakan instrumen *musyarakah mutanāqishah* kepada pengusaha mikro disebabkan oleh instrumen ini merupakan satu bentuk kontrak perkongsian. Institusi kewangan menganggap bahawa mereka perlu menghadapi risiko yang besar disebabkan oleh pengusaha mikro merupakan golongan yang kurang berkemahiran, kurang pengalaman serta kurang berdaya maju. Walau bagaimana pun, daripada kajian yang dilakukan, kaedah pembiayaan secara *musyarakah mutanāqishah* sama ada pembiayaan secara aset atau secara modal menunjukkan instrumen ini berpotensi untuk menjadi pembiayaan mikro kewangan yang baik. Penekanan perlu diberikan kepada kontrak perkongsian yang dilakukan. Kedua-dua pihak perlu bekerjasama untuk menjayakan perusahaan yang dijalankan. Perkongsian yang dilakukan oleh kedua-dua pihak dapat mengatasi masalah pengusaha bukan sahaja dari segi kewangan malah dari segi pengurusan perniagaan.

Selain daripada itu, ia memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak kerana pembiayaan modal yang diberikan tidak mempunyai limitasi dalam keuntungan dan ia memberi keadilan kepada kedua-dua pihak. Sekiranya pembiayaan ini berjaya, maka pihak institusi kewangan akan mendapat keuntungan yang lebih dan usahawan juga akan dapat mengembangkan modal asas serta mengukuhkan posisi kewangannya. Sekiranya berlaku kerugian, kedua-dua pihak akan menanggung kerugian mengikut nisbah milikan masing-masing. Oleh itu, risiko yang ditanggung bersama akan menjadikan kedua-dua pihak yang berkontrak akan lebih bersungguh-sungguh memberikan kerjasama yang padu dalam mengukuhkan perusahaan yang dijalankan. Dari segi pembelian saham milikan pula, pembelian secara unit menjadikan instrumen ini lebih praktikal dan fleksibel bagi usahawan dan institusi kewangan. Selain daripada dinilai berdasarkan harga semasa, usahawan dapat membuat pembelian unit mengikut kemampuannya tanpa menyebabkan institusi kewangan mengalami kerugian. Oleh itu, instrumen ini dilihat berpotensi untuk menjadi pembiayaan mikro kewangan yang baik.

## RUJUKAN

- AAOIFI, *Shari'a Standards for Islamic Financial Institutions* (Bahrain: Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions, 2010).
- Ahmad Kamil Mydin Meera & Dzuljastri Abdul Razak, 'Islamic Home Financing Through *Musharakah Mutanaqishah* and al-Bay' Bithamān Ajil Contracts: A Comparative Analysis,' *Review of Islamic Economics* 9/2 (2005).
- Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islām*, No. 10, 2000.
- Al-Baghawī, al-Husyn bin Mas'ūd, *Syarh al-Sunnah*, vol. 8 (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1983).
- Bank Negara Malaysia (2010), 'Draft of Shariah Parameter Reference 4: Musharakah Contract,' laman sesawang *Bank Negara Malaysia*, [http://www.bnm.gov.my/guidelines/05\\_shariah/04\\_draft\\_shariah%20parameter\\_spr4.pdf](http://www.bnm.gov.my/guidelines/05_shariah/04_draft_shariah%20parameter_spr4.pdf), dicapai 7 Ogos 2012.
- Ibn 'Abidīn, *Hāsiyah Radd al-Mukhtār 'ala al-Durr al-Mukhtār Syarh Tanwīr al-Abṣār*, vol. 6 (Riyād: Dār 'Alam al-Kutub, 2003).
- Jabatan Perangkaan Malaysia, 'Keratan Akhbar, Sidang Media Laporan Banci Perusahaan Kecil dan Sederhana 2011', [http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=article&id=1723%3Acensus-report-on-smes-2011&catid=157%3Areport-of-economics-census-2011-&Itemid=153&lang=bm](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1723%3Acensus-report-on-smes-2011&catid=157%3Areport-of-economics-census-2011-&Itemid=153&lang=bm), dicapai 3 September 2014.
- Al-Jaza'irī, Abū Bakr Jābir, *Minhāj al-Muslim: Kitāb 'Aqā'id wa Adab wa Akhlāq wa 'Ibādāt wa Mu'āmalāt* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, 1964).
- Laporan Tahunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) 2005* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2006).
- Lawrence J. Gitman, *Principles of Managerial Finance*, 11<sup>th</sup> ed. (Boston USA: Pearson International Edition, 2006).
- Al-Majma' al-Fiqh al-Islāmī al-Dawlī Sesi ke-15, 2004, 'Bi Sya'n al-Musyarakah al-Mutanaqishah wa Dawābitihā al-Syar'iyyah', laman sesawang *Majma' al-Fiqh al-Islāmī al-Dawlī*, <http://www.fiqhacademy.org.sa/qrarat/15-2.htm>, dicapai 20 Ogos 2011.
- al-Majma' al-Fiqh al-Islāmī, Sesi ke-14, resolusi ke-5, 1992, 'Hal Yajūz Tahdīd rabb rabb al-Māl fī Syarīkah al-Muḍārabah bi Miqdār Mu'ayyan min al-Māl', laman sesawang *Muslim World League*, <http://www.themwl.org/Fatwa/default.aspx?d=1&cidi=139&l=AR&cid=10>, dicapai 29 Oktober 2014.

- Al-Misrī, ‘Abd al-Samī’, *al-Maṣraḥ al-Islāmī: ‘Ilmiyyan wa ‘Amaliyyan* (Qāhirah: Maktabah Wahbah, 1988).
- Muhammad Abdurrahman Sadique, ‘Financing Micro and Medium Sized Enterprises Through Deceasing Partnership (Musharakah Mutanaqīṣah): Refining Shariah and Banking Aspects for Enhanced Applicability,’ in *Islamic Finance for Micro and Medium Enterprise*, ed. Mohammed Obaidullah & Salma Abdul Latif, 68. [s.l.] (Islamic Research & Training Institute Islamic Development Bank and Centre for Islamic Banking, Finance and Management, Universiti Brunei Darussalam, 2008).
- Al-Nadwī, ‘Alī Aḥmad, *Jamharah al-Qawā‘id al-Fiḥiyyah fī al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah*, vol. 1 (Riyāḍ: Syarīkah al-Rajḥī al-Maṣrafiyyah li al-Istithmar, 2000).
- Nik Ibrahim, A., ‘The Role of Bank Pembangunan in the Development of SMEs,’ (International Conference on Small and Medium Scale Enterprise, Universiti Utara Malaysia, Pulau Langkawi, 1990).
- Nora Azureen Abdul Rahman & Rosli Mahmood, ‘Mengapa Perusahaan Kecil Sukar Mendapat Pinjaman daripada Bank Perdagangan,’ dalam *Isu-Isu Kewangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)*, ed. Yusnidah Ibrahim, Faudziah Zainal Abidin & Anggapan Regupathi (Kedah: Jabatan Penerbitan dan Teknologi Media Universiti Utara Malaysia, 19-20 Oktober 2005).
- Rahman, A. R. *Islamic Microfinance: A Missing Component in Islamic Banking* (Kyoto Buletin of Islamic Area Studies, 2007).
- Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010).
- Al-Sarakhsī, Syams al-Dīn, *Kitāb al-Mabsūṭ*, vol. 15 (Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, 1978).
- Al-Sawī, Muḥammad Ṣolah, *Musykilah al-Istithmar fī al-Bunūk al-Islāmiyyah* (Qāhirah: Dār al-Wafā, 1990).
- Al-Syarbanī, Syams al-Dīn Muḥammad b. Muḥammad al-Khāṭib, *Mughnī al-Muḥtāj*, vol. 2 (Qāhirah: Syarīkah Maktabah wa Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halābī wa Awlādih, 1958).
- Wahbah al-Zuḥaylī, ‘Al-Musyārakah al-Mutanāqīṣah wa ṣuwaruhā fī ḍaw’ Ḍawābiṭ al-‘Uqūd al-Mustajiddah,’ laman sesawang *Badlah*, <http://www.badlah.com/page-567.html>., dicapai 7 Ogos 2012.